



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Ketua Polis Daerah Brickfields, ACP Zairulnizam Mohd Zainuddin @ Hilmi **menafikan** dakwaan seorang lelaki yang terbaring di hadapan sebuah kedai di Enterprenuer Park, Kuala Lumpur adalah positif COVID-19 seperti yang tular di media sosial. Beliau **menjelaskan** individu tersebut sebenarnya telah mengalami serangan jantung, terjatuh dan tidak sedarkan diri dan kini masih dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).
2. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA) **menafikan** masyarakat Orang Asli di Bukit Lagong, Selangor kelaparan akibat kekurangan bekalan barangan makanan dalam tempoh PKP. JAKOA **menjelaskan** bahawa masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut telah tiga kali menerima bakul makanan yang mengandungi barangan keperluan seperti beras, minyak masak, tepung, garam, gula, teh, susu pekat, sardin dan kicap pada 7 April, 16 April dan 8 Mei 2020. Sehubungan itu, pihak JAKOA turut **menafikan** pernah memberi kebenaran kepada pihak tertentu untuk meminta dana daripada orang ramai bagi membantu komuniti tersebut yang dikatakan terabai sepanjang PKP.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
28 Mei 2020 | 10.30 Pagi**

